

20/05/1997

DAP tidak cabar Abu Hassan

KLANG, Isnin - Calon Barisan Nasional (BN), Datuk Abu Hassan Omar yang bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang, hanya ditentang calon PAS berikutan DAP tidak bertanding dalam pilihan raya kecil, pada 29 Mei ini.

Pengerusi DAP Selangor, Teng Chang Kim, berkata DAP memutuskan tidak bertanding kerana mahu menumpukan perhatian kepada program 24 bulan yang dilancarkan pada Januari tahun ini, yang bermatlamat mengukuhkan organisasi dan kedudukan kewangan parti itu.

Selain itu, katanya, DAP Selangor mahu menyimpan tenaga jentera pilihan raya untuk mengadakan persediaan rapi bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang yang dianggap lebih penting.

"Selepas kes kejatuhan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, rakyat sudah memberi pengakuan bahawa DAP berusaha dan berjaya menyebabkan beliau berundur.

"Bagi DAP, ini adalah satu kemenangan besar dan kita tidak perlu lagi bertanding," katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini.

Bagaimanapun, katanya, DAP tetap mengambil bahagian dalam kempen pilihan raya kecil DUN Permatang dan Parlimen Kuala Selangor untuk memastikan BN tidak mendapat undi majoriti.

"DAP akan mengadakan beberapa siri ceramah dan forum bagi memaklumkan kepada pengundi mengenai situasi semasa politik dan ia akan diadakan sebaik sahaja penamaan calon esok," katanya.

Menurut Teng, DAP juga secara tidak langsung bersetuju menerima calon pilihan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Menteri Besar selepas tiada lagi calon yang difikirkan layak dan benar-benar bersih di peringkat negeri untuk menggantikan Muhammad.

Berikutan ketiadaan calon DAP, pilihan raya kecil DUN Permatang akan menyaksikan pertandingan dua penjuru di antara Abu Hassan dan calon PAS, Mohd Maskuri Marzuki yang juga Bendahari PAS Kuala Selangor.

(END)